

Lori bermaharajela undang bahaya

■ KUALA LUMPUR 3 MAC

BOLEH dikatakan, terdapat kira-kira 100 buah lori tanah menggunakan laluan sekitar Projek Perumahan Rakyat (PPR) Taman Wahyu 2 di Jalan 2/3C, Off Jalan Sibu dekat sini.

Hal itu mengundang pelbagai masalah kepada penduduk setempat khususnya pengguna kenderaan yang rimas dengan keadaan itu.

Penduduk mendakwa, lori-lori terbabit mengangkut sisa tanah daripada tapak projek pembangunan di ibu kota untuk dilupuskan di kawasan Kolam Takungan Banjir Jinjang.



SKUAD TERJAH
Oleh **ZULFADLI SHARIFUDIN,**
FAUZI SHUHAIMI
dan **AMIRUL AIMAN ANUAR**

Jinjang milik Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) yang terletak bersebelahan perumahan itu.

Lebih membimbangkan, pe-

mandu lori turut memandu laju hingga membahayakan keselamatan orang ramai khususnya kanak-kanak terutama pada waktu persekolahan ketika murid hadir dan pulang dari sekolah.

Tinjauan *Utusan Malaysia* ke lokasi terbabit mendapati, keadaan itu turut mengakibatkan jalan raya berlubang dan berlekuk-lekuk ekoran kenderaan berat yang dipercayai mengangkut beban lebih muatan, selain tanah bertaburan di laluan tersebut.

Seorang penduduk yang mahu dikenali sebagai Johari, 30, mendakwa, jumlah lori yang ter-

lampau banyak itu mengundang seribu persoalan kepada orang ramai.

“Baru-baru ini, berlaku sebuah kes kemalangan melibatkan pemandu lori dan penunggang motosikal di kawasan selekoh berhampiran akses masuk ke kawasan kolam tersebut. Ketika itu, motosikal milik lelaki berusia dalam lingkungan 40-an itu rosak dan dia berhenti di tepi jalan.

“Tiba-tiba sebuah lori yang sedang melakukan pusingan U di laluan tersebut melanggar lelaki itu sehingga menggilis pergelangan kaki lelaki itu. Disebabkan kes itu,

kami bimbang dengan keselamatan terutama kanak-kanak,” katanya lagi.

Dia turut mendakwa, kenderaan terbabit yang memasuki kawasan kolam itu menjalankan aktiviti pembuangan tanah di situ dan kegiatan tersebut seolah-olah ‘dilindungi’ pihak tertentu.

“Lori-lori muatan hampir 25 hingga 30 tan itu menjalankan aktiviti tidak kira waktu. Kegiatan itu mengundang pencemaran seperti masalah habuk, kesesakan, jalan raya berpasir dan berlubang, selain mengancam keselamatan orang ramai,” katanya.

info

RISIKO DIHADAPI PENDUDUK

- Kacau ganggu aliran trafik.
- Jalan raya rosak, berlubang dan berpasir
- Mengundang bahaya kepada orang ramai terutama kanak-kanak.
- Pencemaran seperti habuk, debu.
- Kesesakan di kawasan perumahan.
- Kekotoran pada jalan raya.



AKTIVITI meratakan tanah di kawasan kolam takungan banjir dapat dilihat jelas dari PPR Taman Wahyu 2. - UTUSAN/HALIM KHALID



LORI yang dilihat keluar masuk dari Kolam Takungan Banjir Jinjang.

Pembuangan, penambakan tanah dapat kelulusan - JPS

KUALA LUMPUR 3 Mac - Aktiviti pembuangan dan penambakan tanah di Kolam Takungan Banjir Jinjang di Jalan 2/3C, Off Jalan Sibu di sini telah mendapat kelulusan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

Bagaimanapun JPS memaklumkan, aktiviti tersebut dijangka berakhir bulan hadapan dan aspek keselamatan sentiasa dipantau jabatan tersebut.

“Berhubung aduan penduduk



setempat mengenai kes kemalangan membabitkan lori dan penunggang motosikal itu, hasil siasatan JPS mendapati lori itu bukan datang dari kawasan kolam tersebut dan kemungkinan daripada syari-

kat pemaju lain.

“Aktiviti pergerakan lori di luar kawasan kolam adalah bukan dalam tanggungjawab JPS. Bagaimanapun, langkah-langkah keselamatan akan dipertingkatkan bagi mengelak kejadian sedemikian berulang,” menurut kenyataan tersebut di sini hari ini.

Kenyataan itu adalah bagi mengulas laporan *Utusan Malaysia* berhubung isu lori tanah yang

mengundang pelbagai masalah kepada penghuni di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Taman Wahyu 2.

Terdapat kira-kira 100 buah lori tanah menggunakan laluan sekitar perumahan itu yang didakwa mengundang pelbagai masalah kepada penduduk setempat khususnya pengguna jalan raya di kawasan tersebut.

Penduduk mendakwa, lori-lori

terbabit mengangkut sisa tanah daripada tapak projek pembangunan di ibu kota untuk ditambah di kawasan Kolam Takungan Banjir Jinjang milik JPS yang terletak berdekatan PPR tersebut.

Lebih membimbangkan, pemandu lori turut memandu laju sehingga membahayakan keselamatan orang ramai khususnya kanak-kanak lebih-lebih lagi waktu persekolahan.

REAKSI

ISU LORI TANAH



“SAYA difahamkan bahawa tapak kolam JPS itu akan dibina sebagai taman